

24/06/1999

Nik Aziz takut pengaruh politik Ku Li

Hassan Omar

ALOR STAR, Rabu - Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, takut kepada pengaruh politik Tengku Razaleigh Hamzah apabila menerajui Umno Kelantan bagi menewaskan Pas pada pilihan raya akan datang.

Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid, berkata berikutan itu, Nik Aziz membuat kenyataan kononnya pengaruh bekas Menteri Kewangan sudah lemah di Kelantan.

Menurut beliau, pengaruh Tengku Razaleigh tidak boleh dinilai oleh Nik Aziz hanya berdasarkan andaian semata-mata, sebaliknya dinilai pada pilihan raya akan datang.

Selain itu, beliau berkata hakikat sebenar ialah pengaruh Nik Aziz sudah berkurangan sehingga terpaksa memperkecilkan kemampuan Tengku Razaleigh.

Sehubungan itu, beliau berkata Umno Kelantan mampu memperkukuhkan perpaduan dan perjuangan untuk menakluki semula Kelantan daripada Pas.

"Beliau (Nik Aziz) takut kepada Ku Li. Mana dia tahu pengaruh atau tak berpengaruh, kecuali ada pilihan raya.

"Saya rasa, lebih kekurangan pengaruh kepada orang yang bercakap (Nik Aziz) daripada pengaruh Ku Li," katanya selepas mesyuarat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco), di sini hari ini.

Sanusi berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Nik Aziz semalam yang mengakui Tengku Razaleigh pernah mempunyai pengaruh politik di Kelantan dan menganggap pelantikan bekas Presiden Parti Semangat 46 sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri itu tidak mengancam Pas.

Nik Aziz dilaporkan berkata, keadaan sekarang berbeza kerana Tengku Razaleigh didakwa banyak menimbulkan masalah.

Tengku Razaleigh dilantik memegang jawatan itu malam Ahad lalu bagi menggantikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang memegang jawatan berkenaan sejak 1990.

Sanusi berkata, pelantikan Tengku Razaleigh yang dipersetujui semua pemimpin Umno Kelantan bakal membolehkannya memberi tumpuan menggerakkan jentera Umno untuk merampas semula Kelantan.

"Pelantikan Tengku Razaleigh adalah sesuatu yang logik. Perdana Menteri terpaksa jalan seluruh Malaysia. Di Kelantan, Tengku Razaleigh boleh beri tumpuan.

"Pelantikan itu dibuat oleh Perdana Menteri selepas menimbang segala sudut," katanya.

(END)